

# Peranan Peserta Dalam Bahasa Sembang Whatsapp Berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu

Rosli Ab. Rahman

**Abstrak-** Pembangunan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) merupakan usaha ulung kerana bahasa Melayu masih belum mempunyai kerangka sebagaimana bahasa Inggeris yang mempunyai kerangka The Common European Frame Work of Reference for Language (CEFR). Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan peranan peserta dalam peristiwa bahasa sembang WhatsApp berdasarkan KSBM. Dalam kajian ini, responden yang terlibat seramai 149 orang yang terdiri daripada pensyarah dan staf pengurusan Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu. Jenis kajian ini ialah kajian kualitatif. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Etnografi Komunikasi oleh Hymes (1974). Tempoh masa data yang dikutip selama satu bulan bermula 1 Februari 2020 hingga 29 Februari 2020. Kutipan data dilakukan melalui pemerhatian ikut serta. Data dianalisis melalui analisis bertema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta berperanan dalam mempengaruhi sembang melalui WhatsApp. Oleh sebab sembang tersebut dilakukan dalam suasana tidak formal, isu perbualan adalah pelbagai seperti isu berkaitan tempat kerja, nasihat-menasihati, makanan, aktiviti harian dan lain-lain lagi. Penyingkatan perkataan dilakukan untuk memudah dan mempersepat ahli kumpulan berinteraksi. Singkatan lazim kolokokial juga digunakan secara berleluasa. Komunikasi berlangsung dalam suasana tidak formal. Peranan peserta begitu mempengaruhi topik perbualan antara pemeran yang bersebang. Oleh sebab pemeran yang bersebang di WhatsApp terdiri dalam kalangan staf akademik dan staf pengurusan, penggunaan bahasa mereka KSBM ialah pada tahap tahap pertengahan iaitu 3 dan 4.

**Kata kunci:** WhatsApp, Teori Etnografi Komunikasi, kolokokial, Kerangka Standard Bahasa Melayu

## I. PENGENALAN

Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) dibangunkan bertujuan mengadakan piawaian bahasa Melayu untuk menentukan tahap pemerolehan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu sama ada penutur jati bahasa Melayu atau penutur bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Piawaian tersebut dijadikan rujukan standard penggunaan bahasa Melayu dalam semua bidang seperti bidang pendidikan, perkhidmatan dan lain-lain.

Sebelum adanya KSBM, bahasa Melayu yang digunakan tidak mempunyai pengukuran yang standard menyebabkan pengukuran bahasa Melayu antara satu tempat dengan tempat yang lain adalah berbeza-beza. Hal ini menyebabkan penutur bahasa Melayu dari pelbagai tempat

mempunyai masalah untuk memahami antara satu sama lain kerana kursus yang mereka ikuti adalah berdasarkan kepada kurikulum yang disediakan oleh institusi masing-masing tanpa bersandarkan kepada satu standard yang sama. Sehubungan dengan itu, Kurikulum Standard Bahasa Melayu perlu dibina sebagai kayu pengukur tahap kompetensi penutur bahasa Melayu.

Dalam kehidupan ini, kita berhadapan dengan pelbagai peristiwa seperti berbual dengan rakan, menghadiri majlis keraian, membeli-belah di pasar raya dan sebagainya. Peristiwa tersebut pastinya akan meninggalkan kesan yang mendalam dalam kehidupan kita dan akan menjadi kenangan yang begitu bermakna. Antara peristiwa penting yang perlu diberikan perhatian ialah peristiwa sembang dalam WhatsApp kerana ia menjadi aspek penting dalam komunikasi pada hari ini.

Menurut Ilah Hafiz Aziz (2009), apabila memperkatakan sesuatu yang berkait rapat dengan TMK dalam kalangan golongan muda, pasti ramai yang melihat kemudahan telefon bimbit sebagai salah satu teknologi penting kepada mereka. Peristiwa bahasa yang berlaku dalam TMK seharusnya diberikan perhatian dalam pengkajian bahasa kerana ia memberi kesan yang besar kepada masyarakat dan budaya. Peristiwa bahasa berkait rapat dengan budaya sesuatu masyarakat seperti yang dinyatakan oleh Saville-Troike (2003) bahawa peristiwa bahasa adalah dilingkungi oleh peraturan-peraturan dan norma bahasa.

## II. PERNYATAAN MASALAH

Kajian tentang WhatsApp telah banyak dikaji oleh pengkaji seperti yang telah dilakukan oleh Noor Azuan et. al. (2015), Norfaezah (2015), Normah (2017) dan lain-lain lagi. Namun, kajian tersebut lebih berfokus kepada penggunaan aplikasi WhatsApp terutama dalam pendidikan. Kajian tentang peranan peserta atau pemeran masih kurang diterokai oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji melihat peranan peserta dalam sembang WhatsApp perlu diterokai agar kerencaman kajian berkenaan WhatsApp dapat memperkaya khazanah kajian.

Sementara, kajian tentang KSBM telah diterokai oleh beberapa pengkaji seperti Rosli (2017), Rohizani (2018), Mas Norbany (2018), Zanariah (2018) dan lain-lain. Namun, kajian tersebut melihat daripada aspek yang berbeza. Kajian yang melihat perkaitan antara peranan peserta dalam sembang WhatsApp dengan KSBM belum diterokai oleh mana-mana pengkaji kerana KSBM agak baharu dan asing kepada pengkaji di Malaysia. Oleh itu, kajian ini yang melihat peranan peserta dalam sembang WhatsApp berdasarkan KSBM dapat mengurangkan jurang dalam kajian yang berkaitan.

### III. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan peranan peserta dalam peristiwa bahasa sembang WhatsApp berdasarkan KSBM.

### IV. SOALAN KAJIAN

Apakah peranan peserta dalam peristiwa bahasa sembang WhatsApp berdasarkan KSBM?

### V. KAJIAN LITERATUR

Noor Azuan et. al. (2015) dalam kajiannya telah menyiasat kesan aplikasi WhatsApp terhadap prestasi akademik pelajar di Malaysia. Kajian ini melibatkan soal selidik seramai 86 pelajar sambilan dan temu bual bersama-sama 15 orang pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aplikasi WhatsApp dapat meningkatkan aliran maklumat dan idea yang berkesan dalam kalangan pelajar yang terlibat. Namun, aplikasi WhatsApp telah mengambil banyak masa pelajar, mengurangkan tumpuan mereka dalam pembelajaran, kurangnya tumpuan semasa kuliah, mengganggu pelajar daripada menyiapkan tugas mereka serta mempengaruhi pelajar dalam ejaan dan pembinaan tatabahasa ayat bahasa Inggeris.

Norfaezah (2015) telah mengkaji penggunaan aplikasi WhatsApp dalam pembelajaran & pengajaran di KUIS khususnya bahasa Arab. Memandangkan penggunaan WhatsApp begitu popular dalam kalangan pengguna telefon pintar termasuk majoriti pelajar KUIS kerana aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma dan penggunaannya untuk berhubung secara percuma berbanding khidmat SMS dan telefon yang berbayar menyebabkan saluran WhatsApp menjadi saluran utama untuk menyalurkan maklumat. Kertas kerja ini akan mendedahkan peluang cara mengajar dan belajar bahasa Arab melalui WhatsApp kepada pelajar KUIS secara mudah, berkesan dan menjimatkan masa. Kaedah mengajar dan belajar secara atas talian ini tanpa mengira masa, tempat dan keberadaan pensyarah semasa menyampaikan ilmu Bahasa Arab. Melalui kajian ini, pengajaran bahasa Arab akan lebih efisyen, sistematis dan menghasilkan kesan yang maksimum kepada pelajar KUIS khususnya dalam memahami Bahasa Arab secara lebih mendalam.

Normah (2017) telah mengkaji tentang pembelajaran kolaboratif melalui aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran nahu. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti masalah pelajar menggunakan aplikasi WhatsApp dalam pembelajaran maya dan mengenal pasti penggunaan WhatsApp dalam meningkatkan motivasi pelajar melalui pembelajaran kolaboratif. Kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan membabitkan 60 orang pelajar daripada Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab. Kajian tindakan ini menggunakan aplikasi WhatsApp iaitu pensyarah menggunakan kaedah kuantitatif dan berperanan sebagai moderator dalam kumpulan yang dibentuk daripada aplikasi tersebut. Ia dijalankan semasa cuti semester selama satu bulan dengan memberi fokus kepada pelajar bidang bahasa Arab sahaja. Hasil kajian mendapati pelajar lebih

gemar dan bermotivasi untuk mempelajari tajuk nahu dengan bantuan aplikasi WhatsApp berbanding latihan dalam kuliah rasmi. Implikasi kajian juga menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif menjadi lebih meluas dengan telefon pintar kerana ia tidak berlaku di luar kuliah atau bilik tutorial sebelum ini.

Rosli (2017) telah mengkaji peranan latar dalam bahasa sembang whatsapp berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan peranan latar dalam peristiwa bahasa sembang WhatsApp berdasarkan KSBM. Dalam kajian ini, responden yang terlibat seramai 203 orang yang terdiri daripada pensyarah, staf pengurusan dan staf sokongan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Etnografi Komunikasi oleh Hymes (1974). Jenis kajian ini ialah kajian kualitatif. Tempoh masa data yang dikutip selama satu bulan bermula 1 September 2017 hingga 30 September 2017. Kutipan data dilakukan melalui pemerhatian ikut serta. Data dianalisis melalui analisis bertema.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa latar masa dan tempat mempengaruhi sembang melalui WhatsApp. Oleh sebab sembang tersebut dilakukan dalam suasana tidak formal, isu perbualan adalah pelbagai seperti isu berkaitan tempat kerja, nasihat-menasihati, makanan, aktiviti harian dan lain-lain lagi. Penyingkatan perkataan dilakukan untuk memudah dan mempercepat ahli kumpulan berinteraksi. Singkatan lazim kolokokial juga digunakan secara berleluasa. Komunikasi berlangsung dalam suasana tidak formal. Latar masa begitu mempengaruhi topik perbualan antara pemeran yang bersempang. Oleh sebab pemeran yang bersempang di WhatsApp terdiri dalam kalangan staf akademik, staf pengurusan dan staf sokongan, penggunaan bahasa mereka terdiri daripada pelbagai tahap dalam KSBM iaitu meliputi tahap sederhana dan tinggi.

### VI. METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian etnografi komunikasi. Kajian etnografi komunikasi dipilih oleh pengkaji kerana penyelidikan ini dijalankan dalam situasi yang sebenar. Pengkaji perlu menyertai sembang melalui WhatsApp bagi mendapatkan data yang diperlukan. Hal ini menyebabkan pengkaji perlu mengikuti proses yang terlibat dalam komunikasi tersebut agar dapatkan data mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kaedah atau metod yang akan digunakan dalam membuat kajian ialah analisis teks perbualan. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Etnografi Komunikasi oleh Hymes (1974). Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah etnografi komunikasi. Menurut Saville-Troike (2003) ‘melakukan etnografi’ dalam kebudayaan yang lain terutama sekali akan melibatkan kerja lapangan, melakukan pemerhatian, mengemukakan soalan, melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kumpulan itu dan menguji kesahihan persepsi seseorang itu dengan intuisi ahli peribuminya. Oleh sebab kajian ini melibatkan TMK masa kini iaitu WhatsApp, kerja lapangan yang perlu dilakukan adalah dengan melibatkan diri dalam sembang WhatsApp. Pemerhatian telah dilakukan selama satu bulan bermula 1 Februari 2020 hingga 29 Februari 2020.

Tempoh satu bulan tersebut diambil bagi memahirkannya dengan data TMK tersebut iaitu WhatsApp. Apakah lagi dalam sembang WhatsApp banyak perkara yang tidak dijangka berlaku seperti penggunaan simbol-simbol tertentu dan penggunaan bahasa unik yang jauh menepati daripada bahasa Melayu baku. Hal ini bertepatan dengan pendapat Saville-Troike bahawa “seorang ahli etnografi komunikasi tidak sesekali dapat mengandaikan apakah yang dianggap sebagai ‘bahasa’ oleh sesuatu komuniti bahasa selain bahasanya sendiri”. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi melihat peristiwa bahasa Melayu dalam TMK kerana Saville-Troike (1991) menyatakan bahawa etnografi bukanlah pula hanya mengehadkan kajian terhadap ‘orang lain’ tetapi komuniti bahasa sendiri juga dapat dikaji.

Kajian ini menggunakan medium WhatsApp dalam mendapatkan data kajian. WhatsApp adalah aplikasi khidmat pesanan untuk telefon pintar dengan mirip BlackBerry Messenger. WhatsApp Messenger merupakan aplikasi khidmat pesanan lintas yang memungkinkan kita bertukar-tukar pesanan tanpa bayaran kerana WhatsApp Messenger menggunakan pakej data internet yang sama untuk e-mel, mencari laman sesawang, dan lain-lain. Aplikasi WhatsApp Messenger menggunakan sambungan 3G atau WiFi untuk komunikasi data. Dengan menggunakan WhatsApp, kita dapat bersempang secara langsung, bertukar-tukar fail, foto dan lain-lain.

Kaedah pemerhatian ikut serta digunakan untuk mendapatkan data sembang WhatsApp. Pengkaji telah melakukan pemerhatian ikut serta satu bulan. Data bagi sembang WhatsApp dipungut selama satu bulan iaitu mulai pada 1 Februari 2020 hingga 29 Februari 2020. Pemilihan subjek dilakukan secara rawak. Tidak ada kategori khas yang ditetapkan oleh pengkaji dalam pemilihan subjek. Pemilihan subjek bagi sembang WhatsApp berdasarkan sesiapa sahaja yang terlibat dalam sembang di WhatsApp Group Santai IPG KDRI mulai 1 Februari 2020 hingga 29 Februari 2020. Mereka yang menghantar WhatsApp melalui kumpulan WhatsApp Group Santai IPG KDRI mulai 1 Februari 2020 hingga 29 Februari 2020 pada masa pengkaji memungut data dianggap sebagai subjek kajian. Semua data sembang para peserta dirakam dan dikodkan sebagai data untuk dianalisis oleh pengkaji.

Jumlah subjek yang terlibat bagi rakaman sembang WhatsApp ialah 149 orang yang terdiri daripada pensyarah dan staf pengurusan IPG KDRI. Pemilihan subjek kajian tidak berdasarkan jantina kerana subjek kajian dipilih berdasarkan sesiapa sahaja daripada staf IPG KDRI yang menyertai laman sembang WhatsApp Group Santai IPG KDRI.

Pada umumnya, skrip perbualan sembang WhatsApp menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi. Namun, corak perbualan bagi kedua-dua bentuk komunikasi ini agak unik kerana bahasa sembang dalam WhatsApp mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti berlakunya banyak penulangan kod, penggunaan paralinguistik, penyingkatan perkataan dan penggunaan bahasa slanga secara berleluasa. Data sembang WhatsApp diperolehi dengan cara menganalisis sembang WhatsApp mengikut tema. Kaedah analisis yang dilakukan ialah kaedah analisis perbualan berdasarkan grid ‘*SPEAKING*’ yang diutarakan oleh Hymes (1974).

## VII. PERBINCANGAN

Peserta dalam peristiwa bahasa merujuk kepada umur, jarak perhubungan, pengalaman dan pencapaian. Ia melibatkan bilangan peserta yang terlibat dalam komunikasi tersebut, peranan peserta dalam komunikasi tersebut, jantina, etnik dan status sosial. Jelasnya, peserta sebenarnya kombinasi antara penutur-pendengar, pemidato-sidang pendengar dan pengirim-penerima (Hymes, 1974). Dalam ruangan sembang Group Santai IPG KDRI ini, bilangan pemeran yang terlibat adalah ramai dan sebahagian daripada mereka telah biasa bersempang di Group Santai IPG KDRI. Keadaan ini dapat dilihat daripada cara komunikasi mereka yang menunjukkan keakraban mereka dan mereka boleh saling bergurau senda, mengusik antara satu sama lain seperti dalam contoh berikut:

(1)

Rahimmoahamed	: Semoga sahabat yg kurang sihat disegerakan sembah nya oleh Allah.
Ani Salwiah	: Aaminn
Abd Samat	: Aamiin Aamiin
En Hamadah	: Aamiin Ya Allah : Semoga sahabat yg kurang sihat tu disegerakan sembah nya oleh Allah.
Dr Azlinda	: Semoga en mi dan en mat kita cpt sembah

(Data 1)

Berdasarkan contoh (1) di atas, kemesraan dan usik-mengusik antara pemeran-pemeran yang terlibat dalam sembang Group Santai IPG KDRI dapat dilihat dari segi luahan perasaan yang disampaikan seperti yang diujarkan iaitu memohon dan berdoa agar rakan mereka yang masuk wad cepat sembah.

Nama-nama pemeran lain ialah *abag, kulancheko, wzaidi, Hafizuddin, Ani Salwiah, Anisah JSS, En. Badruddin, Sma65, Mohd So'od, Ustaz Rabani, Rahim Mohamed, Din Grafik, Tengku Faizul, suhaiimi683683, Faizah Jaafar, Ust Fauzi, Hamba Mu, Cikgu Habisa, Adnan* dan lain-lain lagi

Pemeran yang terlibat dalam sembang Group Santai IPG KDRI terdiri daripada pensyarah dan staf pengurusan yang terdiri daripada pemegang ijazah sarjana muda hingga pemegang Ijazah Doktor Falsafah. Kepelbagaiannya latar belakang dari segi pemikiran, umur dan status ini menyebabkan isu-isu yang dibincangkan melalui saluran Group Santai IPG KDRI adalah isu-isu ringan seperti bersempang kosong, usik-mengusik dan bersifat hiburan yang diperbualkan secara santai.

Peserta atau pemeran memainkan peranan penting dalam sembang WhatsApp kerana bilangan peserta yang terlibat dalam komunikasi, peranan peserta dalam komunikasi tersebut, jantina, etnik, status sosial,

pengalaman dan pencapaian peserta menentukan bentuk dan corak peristiwa bahasa yang berlaku dalam sembang WhatsApp. Kepelbagaiannya latar belakang pemeran yang terlibat dari segi jantina dan umur tidak menjadi penghalang untuk mereka bersempang di Group Santai IPG KDRI. Pemeran yang bersempang Group Santai IPG KDRI menggunakan suatu bahasa dan dialek yang sama yang difahami oleh pemeran lain. Menurut Hocket (1985: 8) suatu komuniti bahasa merupakan seluruh set manusia yang berkomunikasi antara satu dengan lain, secara langsung atau tidak langsung melalui satu bahasa yang difahami bersama.

Peserta atau pemeran juga memainkan peranan penting dalam Group Santai IPG KDRI. Komponen peserta mempunyai kaitan dan mempengaruhi antara satu sama lain dan membentuk kecekapan komunikasi seperti yang dijelaskan oleh Saville-Troike (1989: 21) sebagai berikut:

*“communicative competence involves knowing not only the language code, but also what to say to whom, and how to say it appropriately in any given situation. It deals with the social and cultural knowledge speakers are presumed to have enable them to use interpret linguistics form.”*

Dalam ruangan Group Santai IPG KDRI ini, bilangan peserta yang bersempang pada satu-satu masa adalah ramai iaitu melebihi daripada lima orang dan sebahagian daripada mereka telah biasa bersempang di Group Santai IPG KDRI tersebut.

Dalam data Group Santai IPG KDRI, pemeran yang paling banyak bersempang dan menonjol ialah Kulancheko, Zaharim, Ani Salwiah, Rahim Mohamed, Anisah, Suhaimi dan Nurhijrah.

Oleh sebab, pemeran-pemeran yang terlibat dalam Group Santai IPG KDRI kesemuanya mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan, banyak topik yang berkaitan dengan pendidikan dibincangkan dalam laman sembang ini seperti contoh berikut:

(2)

- |             |  |
|-------------|--|
| Dr Suriani  | : Ingatkan guru je dilantik interim...PM pun ada                   |
| Azlan yukie | :Interim di Putrajaya je : wslukisan kejuruteraan                  |
| Marzuki     | : Hujung hujung minggu ke? : Habis interim Posting tempat sama ke? |

Ust Fauzi : Belum tentu tengok pada prestasi

Berdasarkan contoh (2) di atas, oleh sebab kebanyakannya pemeran Group Santai IPG KDRI IRC ini pensyarah dan staf pengurusan IPG KDRI, antara topik perbualan mereka berkisar mengenai dunia pendidikan iaitu mengenai pemilihan interim, kemasukan pelajar ke IPG dan sebagainya.

Peserta atau pemeran memainkan peranan penting dalam Group Santai IPG KDRI. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa bilangan peserta, peranan peserta, jantina, etnik, status sosial, pengalaman dan pencapaian menentukan bentuk sembang Group Santai IPG KDRI dan topik yang dibincangkan. Oleh sebab laman sembang yang dipilih sebagai data kajian adalah laman sembang WhatsApp Group Santai IPG KDRI, maka peserta yang terlibat dalam sembang Group Santai IPG KDRI kebanyakannya terdiri daripada pensyarah dan staf pengurusan IPG KDRI. Walau bagaimanapun, mereka menggunakan bentuk bahasa dan dialek bahasa yang sama yang memungkinkan mereka menjadi komuniti bahasa yang sama dan dapat berinteraksi di antara satu sama lain. Menurut Lyons (1970: 326) semua orang yang menggunakan suatu bahasa atau dialek yang sama merupakan anggota suatu komuniti bahasa.

#### VIII. KAITAN ANTARA PERANAN PESERTA DALAM BAHASA SEMBANG WHATSAPP BERDASARKAN KSBM

Kerangka standard bermaksud satu kerangka yang menjadi rujukan tentang bagaimana bahasa Melayu digunakan. Dengan kerangka ini, penutur bahasa Melayu yang meliputi penutur bahasa pertama, kedua dan juga sebagai bahasa asing dapat membuat rujukan terhadap bahasa ini. Kerangka standard ini boleh digunakan oleh pengguna bahasa Melayu sebagai asas kepada pembinaan silibus dan kurikulum, mereka bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran, dan juga menjadi penilaian kepada kefasihan berbahasa penutur bahasa kedua dan asing. Dengan adanya satu kerangka standard yang diterima oleh semua pemegang taruh bahasa Melayu, maka ia akan menjadi pegangan bersama. Dengan itu semua hasil, misalnya kurikulum, ujian dan sebagainya yang merujuk kepada kerangka standard akan diterima oleh semua pengguna bahasa Melayu.

KSBM dibina berdasarkan dua dimensi iaitu penguasaan/pemerolehan bahasa Melayu dan kemahiran bahasa Melayu. Pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu adalah berdasarkan tatatingkat unit bahasa, iaitu fonem, morfem, kata, frasa, klausa, ayat dan wacana. Kemahiran bahasa Melayu meliputi empat kemahiran, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Setiap dimensi terdiri enam aras yang disusun dari rendah ke tinggi. Pemeringkatan enam aras tersebut pula adalah berasaskan tiga domain, kognitif, psikomotor dan afektif. KSBM digunakan sebagai penilaian standard kompetensi bahasa Melayu kepada lima kategori pengguna bahasa Melayu iaitu warga asing, orang awam, pendidikan, profesionalisme dan malim bahasa.


Pembangunan KSBM merupakan usaha ulung kerana bahasa Melayu masih belum mempunyai kerangka

sebagaimana bahasa berpengaruh yang lain seperti bahasa Inggeris melalui kerangka CEFR. Pembangunan KSBM dapat memartabatkan bahasa Melayu di Malaysia dan di peringkat antarabangsa kerana kerangka ini dapat dijadikan rujukan oleh pengguna bahasa Melayu di seluruh dunia. KSBM dijadikan piawaian bagi penilaian standard bahasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu dan sebagai rujukan bagi membina kurikulum serta instrumen penilaian dalam bidang pendidikan bahasa Melayu.

Objektif KSBM adalah seperti yang berikut:

- i. Menentukan standard aras kompetensi bahasa Melayu dalam kalangan penutur bahasa Melayu;
- ii. Menjadi rujukan dalam membina kurikulum yang berkaitan dengan bahasa Melayu;
- iii. Menjadi rujukan bagi membina instrumen penguasaan bahasa Melayu.

Usaha untuk membangunkan Kerangka Standard Bahasa Melayu merupakan salah satu usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu. Pembangunan kerangka standard bahasa Melayu ini akan menambah nilai bahasa Melayu di peringkat antarabangsa kerana kerangka ini dapat dijadikan rujukan oleh pengguna bahasa Melayu di seluruh dunia. Kerangka ini bukan sahaja boleh dijadikan rujukan untuk menilai kompetensi penggunaan bahasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu dan tetapi juga sebagai rujukan bagi membina kurikulum serta instrumen penilaian dalam bidang pendidikan bahasa Melayu.



Rajah 1. Standardisasi Bahasa Penutur Berdasarkan KSBM

Berdasarkan rajah 1 di atas, dalam KSBM, standardisasi penutur bahasa Melayu berdasarkan KSBM dibahagikan kepada lima ciri, iaitu penutur bahasa Melayu dalam kalangan orang awam, warga asing, pendidikan, profesional dan malim bahasa.

KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU		
Peringkat	Tahap	Kompetensi
TINGGI	6 Sangat Cekap	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa sangat cekap.
PERTENGAHAN	5 Cekap	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa cekap.
ASAS	4 Memuaskan	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa memuaskan.
	3 Memadai	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa memadai.
	2 Terbatas	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa terbatas.
	1 Sangat terbatas	Keupayaan aspek bahasa, penggunaan kemahiran dan penerapan nilai dalam berbahasa sangat terbatas.

Rajah 2. Deskriptor KSBM

Berdasarkan KSBM, rata-rata tahap penguasaan staf IPG KDRI dalam Kumpulan WhatsApp berada pada tahap pertengahan iaitu tahap 3 dan 4. Tahap 3 merujuk tahap memadai, iaitu penguasaan kemahiran pengguna bahasa Melayu pada kadar boleh memahami idea utama yang berkaitan dengan perkara rutin dalam kehidupan seharian. Misalnya, hal ehwal yang berkaitan dengan makan dan minum, kebersihan diri, serta aktiviti yang lazim dilakukan sepanjang hari, bermula daripada bangun tidur pada waktu pagi sehingga sebelum tidur pada waktu malam.

Tahap 4 pula merujuk tahap memuaskan, iaitu penguasaan kemahiran pengguna bahasa Melayu pada kadar boleh memahami idea utama yang kompleks dan sukar dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai. Pengguna berupaya memperbaiki tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik. Selain itu, pengguna bahasa pada tahap ini dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan mengamalkan pembelajaran kendiri secara minimum.

## VII. RUMUSAN

Peserta memainkan peranan penting dalam peristiwa bahasa sembang WhatsApp. Gaya bahasa tidak rasmi merupakan variasi bahasa yang digunakan dalam situasi-situasi yang tidak formal atau kurang formal. Percampuran kod dan peralihan kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta dialek setempat adalah sesuatu yang biasa dilakukan oleh pemeran dalam sembang WhatsApp. Sembang dalam WhatsApp menggunakan bahasa Melayu yang standard apabila melibatkan urusan rasmi seperti perbincangan mengenai urusan tugas rasmi seperti mesyuarat, kursus atau program tertentu. Berdasarkan KSBM, rata-rata tahap penguasaan staf IPG KDRI dalam Kumpulan WhatsApp berada pada tahap pertengahan iaitu tahap 3 dan 4.

## RUJUKAN

- Edwards. A.D. (1976). *Language In Culture and Class*. London : Heinemann Education Books Ltd
- Ilah Hafiz Aziz (2009). Laman Sosial: Cara Belia Berkomunikasi. *Utusan Malaysia*, 15 Ogos 2009.

- Hymes, Dell. (1971). Sociolinguistic and The Ethnography of Speaking dalam Edwin Ardener (ed). *Social Anthropology and Language*.London: Tavistock.
- Hymes, Dell. (1974). *Foundation in Sociolinguistic: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Lokman Wahid et al. (2008). *Kerangka Standard Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.
- Nor Azuan Hashim et al. (2015). Aplikasi pemesan WhatsApp di kalangan pelajar jurusan perniagaan di Malaysia: Satu tinjauan. *Jurnal Personalia Pelajar* 18 (2) 2015:128-139
- Norfaezah Mohd Hamidin. (2015). Penggunaan aplikasi WhatsApp dalam pembelajaran dan pengajaran di KUIS. *1<sup>st</sup> Global Conference on Technology in Language Learning 2015*.
- Normah Husin, Nor Azhan Norul Azmi dan Mariam Mat Daud. (2017). Pembelajaran kolaboratif melalui aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran nahu. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Vol. 4 No. 1 (April 2017): pp 43-63
- Raja Masittah Raja Ariffin. (1996). *Teater Pulang: Kajian B er d a s a r k a n A n a l i s i s Aktiviti Komunikatif dan Etnografi Pertuturan*. Dalam Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 26. Bil. 5 Mei hlm. 594-613.
- Rohizani Yaacob et al. (2018). Kebolehgunaan Instrumen KSBM dalam Menilai Kemahiran Berbahasa Malim Bahasa. *Prosiding Kongres Kerangka Standard Bahasa Melayu 2017*
- Rosli Ab Rahman. (2017). Peranan Latar dalam Bahasa Sembang WhatsApp Berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu. *Prosiding Kongres Kerangka Standard Bahasa Melayu 2017*.
- Saville-Troike, Muriel. (2003). *The Ethnography of Communication: An Introduction*. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Supyan Hussin. (2005). *Korpus Bahasa SMS: Antara K r e a t i v i t i d a n A n c a m a n kepada Bahasa*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Linguistik ‘Kajian Bahasa dan Korpus: Dimensi Linguistik Semasa anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 April 2005.